

Jawatankuasa Pengurusan Insiden Awam KL ditubuh

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Pengurusan Insiden Awam Kuala Lumpur akan memberi bantuan dalam masa kurang setengah jam kepada mangsa banjir kilat di ibu negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata jawatankuasa itu akan mengaktifkan bantuan dalam masa singkat daripada waktu diterima amaran awal banjir jalan atau banjir kilat di Kuala Lumpur.

“Jawatankuasa itu dibantu agensi lain seperti Angkatan Pertahanan Awam (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Lumpur.

“Seramai 490 petugas dalaman DBKL akan siap siaga di lapangan dengan dibantu oleh petugas pasukan pemantauan secara visual melalui lebih 60 unit CCTV di bilik gerakan, khususnya di kawasan hotpsot yang dikenal pasti termasuk memantau kawasan sungai, parit dan kolam takungan,” katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Teresa Kok Suh Sim (PH-Seputeh) mengenai langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mencegah dan menangani banjir kilat di Kuala Lumpur di Dewan



Dr Zaliha pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

Rakyat semalam.

Dr Zaliha berkata, langkah proaktif akan dilaksanakan hari ini, iaitu semua ‘variable message system’ atau papan iklan LED di bawah seliaan DBKL akan memaparkan status semasa cuaca dan amaran kemungkinan berlakunya banjir kilat.

“Kita mendapat kerjasama daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan JPS. Ini kita akan mulakan dengan papan iklan LED di Menara DBKL terlebih dahulu. Jadi rakyat atau penduduk di Kuala Lumpur boleh mengambil langkah awal jika kita memberi amaran,” katanya.